

UiTM guna air hujan di kampus

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF

megat@kosmo.com.my

SHAH ALAM – Universiti Teknologi Mara (UiTM) bertekad untuk muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam pertama di negara ini yang menggunakan bekalan air hujan terawat bagi kegunaan urusan harian di semua kampus cawangannya seluruh negara.

Bagi merealisasikan hasrat itu, UiTM telah mendatangi perjanjian persefahaman (MoU) dengan Jabatan Parit dan Saliran untuk membantu universiti tersebut dari segi teknikal dan polisi dalam memelihara alam sekitar.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Ir. Dr. Sahol Abdul Hamid berkata, projek tersebut sedang dijalankan di UiTM Kampus Puncak Alam di sini sebagai perintis sebelum diperluaskan ke kampus lain dalam tempoh beberapa tahun terdekat ini.

Menurutnya, air hujan akan dikumpul di atas bumbung bangunan dan kemudian disimpan di tangki khas sebelum melalui proses rawatan bagi mengurangkan kepeka-



SAHOL (tiga dari kiri) bersalaman dengan Nordin pada majlis MoU di UiTM Kampus Puncak Alam, Shah Alam semalam.

tan asid.

“Selepas itu, air yang telah dirawat akan disalurkan ke tandas untuk kegunaan membasuh pakaian atau mandi namun kita tetap menggunakan bekalan air bersih dari paip untuk minuman dan masakan.

“Sumber dari kawasan tadahan

air akan turut digunakan dalam projek ini bagi meningkatkan lagi kuantiti bekalan,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis MoU itu di UiTM Kampus Puncak Alam di sini semalam.

Majlis MoU berkenaan disaksikan oleh Sahol dan Timbalan Ketua Pe-



KAMPUS UiTM Puncak Alam yang akan menjadi perintis penggunaan air hujan sebelum diperluaskan ke kampus lain pada masa terdekat ini.

ngarah JPS, Datuk Ir. Nordin Ahmad.

Selain projek berkenaan, Sahol memberitahu, pihaknya juga sedang menjayakan projek kitar semula sisa buangan termasuk makanan untuk dijadikan baja organik yang seterusnya boleh dijual

bagi menjana pendapatan sampingan.

“Semua projek ini dapat membantu usaha kita untuk mengurangkan penggunaan air yang banyak berlaku di universiti-universiti di samping menjimatkan kos kewangan,” ujarnya.